



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JP/71/2024

Tajuk Sebut Harga:

**BEKALAN PERALATAN SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN UNTUK UNIT BERKUDA  
BAHAGIAN PENGUAT KUASA PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH DUA PULUH  
EMPAT (24) BULAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di bawah **Kod Bidang 070302 (Makanan Haiwan/Akuatik)** atau **070303 (Peralatan dan Kelengkapan Pertanian/ Ternakan/ Akuatik)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **9 Disember 2024 (Isnin), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Taklimat Bahagian Penguat Kuasa, Aras 4, Blok B, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **9 Disember 2024 (Isnin)** hingga **12 Disember 2024 (Khamis)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran tanpa tunai berjumlah **RM10.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa seperti penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF berserta **satu (1) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **17 Disember 2024 (Selasa)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>, dan portal JPM <https://www.ipm.gov.my/ms/tender-sebutharga>

(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Bandar